

Kuala Terengganu

Rampasan ceroboh RM1.5j

HM 24/5/2022

ms : 18

Bot nelayan Vietnam bersama 15 kru ditahan

Agenensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan sebuah bot nelayan Vietnam yang menceroboh dan mencuri hasil laut negara membabitkan rampasan bernilai RM1.5 juta.

Bot itu ditahan dalam satu rondaan operasi pengawalkuasaan bersepadau Op Naga Barat dan Op Khas Kuda Laut pada jarak 100 batu nautika timur laut jam 3 petang Sabtu lalu.

Pengarah APMM Terengganu Kepten Maritim Mu-

hammad Suffi Mohd Ramli berkata, pemeriksaan mendapati ada 15 kru termasuk seorang tekong yang berusia antara 20 hingga 50 tahun di dalam bot berkenaan dengan semuanya gagal menunjukkan sebarang dokumen pengenalan diri sah.

Menurutnya, pemeriksa-

an terhadap bot berkenaan menemui hasil tangkapan dianggarkan seberat 700 kilogram, 1,000 liter diesel dan peralatan menangkap ikan yang dianggarkan bernilai RM1.5 juta.

"Bot dan semua kru ditahan dibawa ke Jeti APMM Terengganu untuk siasatan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran dari

Pengarah Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/1963 kerana gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri sah.

Beliau berkata, rondaan dan pemantauan terus dipertingkatkan bagi mencegah aktiviti yang menyalahi undang-undang maritim.

"Sebarang maklumat berkaitan kejadian kecemasan atau kegiatan jenayah di laut boleh menghubungi Pusat Operasi Maritim Negeri Terengganu di talian 09-6223657 atau melalui talian kecemasan MERS 999," katanya.

